



e-ISSN: 0128-0902  
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(1) 2024

Journal of  
Contemporary  
Islamic Studies

# Soroton Literatur Terhadap Wakaf Keluarga: Konsep, Perundangan dan Isu-Isu Berbangkit di Malaysia

(Review of literature on Family Waqf in Malaysia: Concepts, Legislation, and Emerging Issues)

Mohd Zaidi Daud<sup>1</sup>, Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad<sup>1</sup>, Siti Aisyah Samudin<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

## ARTICLE INFO

### Article history:

Received 9 February 2023

Accepted 23 October 2023

Published 21 May 2024

### Keywords:

family waqf  
faraid  
governance  
waqf  
waqf fund

### Katakunci:

dana wakaf  
faraid  
tadbir urus  
wakaf  
wakaf keluarga

### DOI:

10.24191/jcis.v10i1.8

## ABSTRACT

Muslims' unclaimed property is estimated to be worth 70 billion ringgit at the moment. Ironically, it has been shown that the owner of this property still has close kin or family members. This study proposes adopting the waqf approach to migrate these properties into real estate for optimal utilization. The existing research on waqf in Malaysia encompasses research on Shariah law, legislation, and its application. Hence, this study focuses on literature review based on several themes, namely (i) the concept of family waqf; (ii) legislation related to family waqf in Malaysia and other countries; and (iii) issues related to family waqf in Malaysia. The primary sources of Islamic law, namely the Quran and Hadith, are used as references. Additionally, the collection of historical documentation is also referred to obtain interpretations, points of view, and examples of waqf instrument governance in Malaysia. The findings of this study, there is a lack of details on family waqf in terms of implementation and legislation in Malaysia. At the same time, Malaysia also has several states with specific legal provisions related to waqf. Therefore, this study focuses on family waqf according to current Islamic law, to benefit Muslims in particular in the future.

## ABSTRAK

Harta tidak dituntut milik orang Islam dianggarkan bernilai 70 bilion ringgit ketika ini. Ironinya, dapatan menunjukkan bahawa pemilik harta ini masih mempunyai saudara terdekat atau ahli keluarga. Justeru, kajian ini mencadangkan pendekatan wakaf untuk memindah milik pemilikan tidak mempunyai ini kepada hartanah sebenar bagi penggunaan dan kemaslahatan optimum. Penyelidikan sedia ada mengenai wakaf di Malaysia merangkumi penyelidikan mengenai undang-undang Syariah,

<sup>1\*</sup> Corresponding author. E-mail address: [sitiaisayah.samudin@um.edu.my](mailto:sitiaisayah.samudin@um.edu.my)  
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.8>

---

perundangan dan penggunaannya. Justeru, kajian ini memfokuskan kajian literatur berdasarkan beberapa tema iaitu (i) konsep wakaf keluarga; (ii) perundangan berkaitan wakaf keluarga di Malaysia dan negara lain; dan (iii) isu berkaitan wakaf keluarga di Malaysia. Sumber utama perundangan Islam iaitu Al-Quran dan Hadis dijadikan rujukan. Selain itu, pengumpulan dokumentasi sejarah juga dirujuk untuk mendapatkan tafsiran, sudut pandangan, dan contoh tadbir urus instrumen wakaf di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan terdapat kekurangan perincian mengenai wakaf keluarga dari aspek pelaksanaan dan perundangan di Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia juga mempunyai beberapa negeri dengan peruntukan undang-undang khusus berkaitan wakaf. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada wakaf keluarga mengikut syariat Islam semasa, untuk memberi manfaat kepada umat Islam khususnya pada masa hadapan.

---

## PENDAHULUAN

Sorotan literatur berkaitan kajian terdahulu adalah penting dalam mengenal pasti jurang sesebuah kajian. Ulasan kajian lepas turut membantu penyelidik memperoleh data-data berkaitan tajuk kajian yang sedang dijalankan. Secara umumnya telah ada kajian yang dijalankan berkaitan dengan perwakafan di Malaysia sama ada dari aspek hukum Syarak, perundangan dan perlaksanaannya. Lantaran itu, dalam mengenal pasti jurang kajian yang sedang dijalankan, penulisan akan memfokuskan kajian ini kepada beberapa tema utama iaitu (i) konsep wakaf keluarga, (ii) perundangan berkaitan wakaf keluarga di Malaysia dan di Negara-negara luar, dan (iii) isu-isu berkaitan wakaf keluarga di Malaysia.

## KONSEP WAKAF KELUARGA

Berdasarkan kajian Tjek Tanti (2013) dan Muhammad (2014), wakaf keluarga ialah keadaan apabila penerima manfaat pertama adalah saudara-mara pewakaf dan keturunannya. Kajian Monica (1998) pula mendefinisikan wakaf keluarga ialah apabila seorang pewakaf mengarahkan pendapatan dan manfaat daripada wakaf hartanya untuk ahli keluarganya bertujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Pelaksanaan wakaf keluarga adalah bertujuan untuk mencegah keturunan pewakaf daripada hidup dalam kemiskinan dan meminta-minta daripada orang lain. Pendekatan ini juga merupakan salah satu usaha untuk menghilangkan kemiskinan daripada akarnya. Walau bagaimanapun, harta tersebut boleh disalurkan untuk kesejahteraan awam selepas ketiadaan mereka (penerima wakaf) (Monica Gaudiosi, 1988). Oleh kerana wakaf jenis ini pada umumnya diberikan kepada keluarga *wakif*, maka ia lebih dikenali dengan istilah wakaf *ahlī* (keluarga) atau wakaf *zurri* (keturunan) (Tjek Tanti, 2013 & Muhammad, 2014)

Antara faedah yang terhasil daripada pelaksanaan wakaf keluarga ialah ia menjaga kemaslahatan keturunan sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Baginda SAW menyatakan bahawa kebajikan yang dihulurkan kepada kaum kerabat dan ahli keluarga akan mendapat dua kali ganda pahala dibandingkan orang lain serta dapat menjaga kebajikan ahli waris yang juga sebahagian daripada masyarakat (Ahmad Suwaidi, 2011).

Mohamad (2018) turut menjelaskan keistimewaan wakaf keluarga ialah manfaatnya didedikasikan secara khusus kepada ahli keluarga untuk jaminan kesejahteraan kehidupan mereka termasuk pendidikan dan masa hadapan, yang turut bergantung kepada niat pewakaf. Beliau turut menekankan prinsip dan elemen pengurusan harta melalui wakaf keluarga adalah berlandaskan *maqāsid al-sharī'ah*, iaitu melindungi harta dan keturunan.

Menurut Suleiman (2016), wakaf dalam Islam digunakan untuk pelbagai tujuan yang tidak hanya berkaitan dengan aspek keagamaan, tetapi juga untuk mengelakkan daripada rampasan harta oleh

pemerintah, mengelakkan cukai, dan mengawal pengagihan harta warisan. Wakaf keluarga pula membenarkan pewakaf mendapat manfaat daripada harta wakaf selama hidupnya dan memberi manfaat untuk warisnya setelah kematiannya.

Dalam kajian Layish (1997), wakaf merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh pewakaf untuk kepentingan keturunannya sebagai alat untuk menghindari daripada undang-undang harta dan warisan Islam. Fungsi wakaf adalah untuk menjaga harta secara kekal dan mencegah pembahagiannya dalam kalangan ahli waris. Tumpuan hak manfaat hanya kepada keturunan lelaki pewakaf, dengan tujuan mencegah perpecahan dalam keluarga besar. Beliau turut mengkaji rekod wakaf daripada Mahkamah Syariah Mandatori Palestin dan Israel dalam melihat bagaimana hak manfaat daripada wakaf tersebut dipindahkan kepada keturunan pewakaf, cara pembahagian hak wakaf serta ketetapan pewakaf kepada pembahagian harta wakaf tersebut.

Namun, terdapat beberapa peraturan yang perlu dipenuhi untuk melaksanakan wakaf keluarga. Antaranya ialah ia perlu memenuhi rukun dan syarat wakaf keluarga, yang serupa dengan wakaf *khayrī*, melainkan *ṣighah* (Mohamad, 2018). Pendapat daripada Malikiyah, Syafi'iyah dan sebahagian Hanabillah mensyaratkan *ijab* dan *qabul* sebagai rukun dalam wakaf keluarga. Manakala wakaf *khayrī* pula, para ulama bersepakat hanya memadai *ijab* sahaja yang perlu dipenuhi (Ahmad Suwaidi, 2011).

Kajian (Monica Gaudiosi, 1988) mendapati bahawa wakaf yang berasal daripada perundangan Islam telah memberi impak kepada pembentukan badan amanah di England, khususnya sejak peningkatan hubungan antara Eropah dan dunia Islam pada abad ke-11 lagi. Suleiman (2016) telah menemui asal-usul amalan amanah (*trust*) di negara Barat berkemungkinan berasal dari undang-undang wakaf Islam. Beliau mendapati bukti bahawa tentera Salib yang pulang ke England berkemungkinan membawa konsep wakaf, yang kemudiannya mempengaruhi perkembangan amanah di England. Selain itu, beliau juga menekankan bahawa elemen serupa dalam pengurusan kesejahteraan keluarga turut wujud dalam masyarakat Islam dari zaman ke zaman (Monica Gaudiosi, 1988)

David (1993) menyokong konsep wakaf keluarga wujud 1400 tahun yang lalu. Ia dikatakan memberi manfaat kepada setiap umat Islam sama ada kaya mahupun miskin, di mana sahaja mereka berada. Beliau juga menggariskan wakaf keluarga sebagai wakaf yang membolehkan pemilik mengubah harta tak alih seperti rumah atau ladang menjadi pemberian warisan abadi untuk satu atau lebih penerima manfaat dan generasi keturunan pewakaf akan datang. Harta tersebut tidak boleh dibeli, dijual, atau diwarisi. Pewakaf menetapkan penerima manfaat awal dan merancang strategi untuk memindahkan hak penggunaan secara turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Oleh itu, pewakaf dapat mengawal penyaluran pendapatan dana untuk banyak generasi setelah kematiannya. Wakaf keluarga ini lebih dikenali dalam Mazhab Maliki dengan istilah *habs*, *hubus* dan juga wakaf ahli.

Menurut Imam Khalil daripada Mazhab Maliki, dalam pemindahan hak manfaat melibatkan wakaf keluarga, pewakaf boleh menetapkan penerima manfaat wakaf keluarga secara kolektif dengan mengguna pakai lafaz (Shamsuddin, 1992):

“Anak-anakku, apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka bahagiannya akan diberikan kepada penerima manfaat yang lain secara sama rata dari tahap generasi yang sama.”

Berlainan dengan situasi penerima manfaat wakaf keluarga ditentukan dengan nama-nama mereka. Apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka bahagian si mati akan berpindah kepada keturunannya daripada tingkat generasi seterusnya. Dalam keadaan pewakaf menggunakan kata hubung *wa* (dan) antara generasi pertama dengan generasi seterusnya, apabila daripada generasi pertama meninggal, maka bahagian si mati akan berpindah kepada anak-anaknya (Shamsuddin, 1992)

Hal ini berbeza apabila pewakaf menggunakan kata hubung *thumma* (kemudian) antara generasi pertama dengan generasi seterusnya. Sekiranya salah seorang daripada generasi pertama meninggal dunia, maka harta warisan miliknya akan dibahagi sama rata dengan penerima manfaat sama peringkat dengannya.

Manakala, generasi seterusnya tidak berhak sehingga semua generasi pertama telah meninggal keseluruhannya (Shamsuddin, 1992).

Jalur keturunan wanita pula akan terkecuali daripada menerima manfaat daripada harta wakaf tersebut apabila keturunan jalur lelaki sudah tiada. Maka hak manfaat daripada harta wakaf tersebut akan diberikan bagi tujuan kebajikan umum (Shamsuddin, 1992).

Oleh itu, beliau mendapati bahawa tujuan wakaf keluarga adalah bagi menjaga integriti harta tersebut dengan pembekuan harta daripada sebarang bentuk transaksi. Pembekuan harta ini adalah untuk mengelakkan daripada jangkauan pemiutang dan ketamakan sesetengah golongan yang memilih penerima manfaat daripada jalur keturunannya secara bias (Shamsuddin, 1992).

## **PERUNDANGAN BERKAITAN WAKAF KELUARGA DI MALAYSIA DAN DI NEGARA-NEGARA LUAR**

Kajian yang dijalankan oleh Mohamad (2018) mendapati telah wujud pelaksanaan wakaf keluarga di Malaysia pada awal abad ke-19 di beberapa buah negeri Tanah Melayu seperti Kelantan dan Terengganu. Mereka mendapati bahawa takrifan wakaf keluarga adalah selari dengan enakmen di beberapa buah negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka turut mendapati keperluan untuk menambah baik peruntukan wakaf keluarga yang terdapat dalam Enakmen Wakaf serta penubuhan Tribunal atau Mahkamah bagi memberikan alternatif kepada mahkamah untuk menyelesaikan kes pertindanan kuasa antara undang-undang sivil dengan syariah.

Mohamad (2018) dalam kajiannya yang mendapati bahawa pemakaian wakaf keluarga di dalam Enakmen Pengesahan Wakaf Islam 1972 adalah terbatas. Pelaksanaan wakaf di Malaysia tidak mendapat pengiktirafan sewajarnya berkemungkinan kerana pengurusan pemegang amanah yang tidak baik. Hal ini berbeza dengan negara Turki dan kebanyakan negara Timur Tengah yang menyediakan platform yang baik bagi membuat wakaf termasuk wakaf keluarga. Wakaf keluarga tersebut dibuat bertujuan menjaga dan memelihara kekayaan keluarga daripada tidak diurus dengan baik.

Wakaf keluarga di Malaysia diperkenalkan semasa penjajahan British di Tanah Malaya pada tahun 1870 di bawah sistem Torrens. Sistem ini memperkenalkan kaedah lot tanah bernombor yang boleh dijual dan dibeli secara percuma dan tertakluk kepada cukai. Walau bagaimanapun, berlaku pengagihan kepada lot tanah tersebut selepas kematian, berikutan undang-undang warisan (faraid). Ini memberi kesedaran kepada umat Islam akan kepentingan wakaf keluarga bagi mengelakkan hal tersebut berlaku (Muhammad, 2015).

British ketika itu ingin membeli tanah dari pemilik tanah tempatan bagi tujuan peladangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan wakaf keluarga oleh orang Islam telah menjadi halangan utama untuk pemecahan tanah dan sekaligus menggagalkan usaha British untuk membeli tanah tersebut. Maka tercetuslah perbalahan dengan pihak British berikutan harta wakaf tersebut (Ahmad Suwaidi, 2011).

Seterusnya, pada tahun 1911, Enakmen Pelarangan Wakaf 1911 telah diwartakan di mana seksyen 3, 4 dan 5 secara langsung membincangkan ketidakwajaran tanah wakaf. Akibatnya, bagi tanah wakaf yang dibuat sebelum tarikh Enakmen ini, pemilikan sepenuhnya diberikan kepada penerima berdasarkan kepada undang-undang Inggeris. Selain itu, Seksyen 3 turut melarang pembekuan pemilikan tanah dan penubuhan mana-mana wakaf baharu (Muhammad, 2015).

Lantaran ini, umat Islam kehilangan kebebasan untuk mengisytiharkan tanah wakaf mereka. Keadaan ini berterusan sehingga ke tahun 1978 apabila Enakmen ini akhirnya dimansuhkan. Oleh itu, kesemua wakaf yang dibuat dalam tempoh tersebut adalah tidak sah berdasarkan kepada keputusan Majlis Privy (*Privy Council*) di India. Majlis Privy tersebut menyatakan bahawa wakaf bagi faedah keluarga, anak-anak dan keturunan hanya akan sah sekiranya melibatkan kebajikan umum. Walau bagaimanapun, pemberian

untuk amal kebajikan yang melibatkan jumlah yang sedikit atau ketidakpastian adalah mustahil untuk mencapai objektif asal (kebajikan umum). Manakala wakaf kepada keluarga untuk membesarkan mereka adalah tidak sah (Ahmad Suwaidi, 2011).

Penelitian kajian di Perancis pada kurun ke-19 mendapati bahawa wakaf keluarga menjadi isu apabila menghalangi usaha peneroka untuk membeli tanah (David, 1993). Kerajaan pada ketika itu berusaha untuk mengurangkan kesan institusi wakaf keluarga melalui undang-undang yang bertujuan untuk mengumpulkan semua urusan niaga yang melibatkan tanah, termasuk tanah wakaf di bawah Undang-undang Sivil di Perancis. Walau bagaimanapun, undang-undang ini gagal mencapai matlamat mereka kerana pengamal undang-undang di Perancis tidak dapat bersetuju dengan tafsiran tersebut. Sekumpulan pengamal undang-undang berpendapat bahawa wakaf keluarga hanya merupakan satu kes pusaka yang khusus dan oleh itu tidaklah tertakluk kepada Loi Warnier (Danial Latifi, 2015).

Pada tahun 1874, pihak Perancis berusaha untuk memperkenalkan sistem baharu untuk pemilikan tanah yang lebih efektif. Mereka mendapati bahawa cara terbaik adalah dengan menjatuhkan kedudukan institusi wakaf di kalangan umat Islam. Mereka telah melancarkan kempen untuk melemahkan kesahan wakaf keluarga. Di Algeria pula, penerimaan undang-undang wakaf keluarga telah dilaksanakan selari dengan Syariah. Wakaf keluarga dilihat berperanan penting dalam menjaga kepentingan ahli keluarga pewakaf daripada kefakiran, selain menjaga hubungan baik kekeluargaan dengan mendekatkan jurang perbezaan ekonomi setiap ahli keluarga (Bendiff & Mezghiche, 2020).

Di Malaysia, perundangan berkaitan dengan sistem perwakafan diletakkan di bawah Hal Ehwal Agama Islam setiap negeri secara berasingan. Ini menyebabkan wujud perbezaan pentadbiran antara satu negeri dengan yang lain (Yaacob, 2013). Selain itu, mendapati bahawa ketiadaan peruntukan perundangan pada masa yang lepas telah menyebabkan kesulitan dan kesukaran bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam membuat penyimpanan data dan rekod terhadap tanah-tanah yang pernah diwakafkan (Yaacob, 2013).

Beberapa cabaran dalam memajukan tanah wakaf telah dikenal pasti. Antaranya ialah a) masalah pendaftaran tanah wakaf tersebut, b) masalah kewangan, c) masalah kedudukan yang tidak dapat dikenal pasti keberadaannya secara tepat, d) kekurangan ahli pakar di dalam pentadbiran harta tanah wakaf, e) berlaku pencerobohan dan pendudukan terhadap tanah wakaf secara haram (Ismail, Salim, & Hanafiah, 2015).

Dalam kajian yang sama, solusi yang sesuai dalam menyelesaikan permasalahan pentadbiran tanah wakaf telah dikemukakan iaitu a) memperkukuhkan dan memperbaharui pentadbiran wakaf, b) mendaftarkan semua tanah wakaf, c) meningkatkan kadar sewaan terhadap hartanah wakaf yang disewakan, d) menawarkan perlepasan cukai kepada pihak yang melakukan wakaf, e) membuat penilaian semula terhadap peruntukan Akta Kanun Tanah Negara 1965, f) memperkuatkan kedudukan Mahkamah Syariah, g) menilai semula Akta Perolehan Tanah oleh pihak kerajaan, h) mengaturkan kempen kesedaran masyarakat berkaitan dengan wakaf, serta i) memperkuatkan lagi peranan Jabatan Awqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (Ismail, Salim, & Hanafiah, 2015).

Zulkifli Hasan (2020) di dalam kajiannya yang menghuraikan pendekatan yang diambil oleh Malaysia bagi memajukan tanah wakaf tersebut. Antaranya pendekatan yang bukan berbentuk perundangan seperti; a) penubuhan Jabatan Awqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), b) memperkukuhkan pentadbiran wakaf sebagaimana yang telah dilakukan oleh negeri Selangor dengan menubuhkan Lembaga Wakaf bagi tujuan mengatur dan mentadbir harta wakaf, c) menggayakan cara yang inovasi di dalam mengkormesialkan tanah wakaf dengan mewujudkan saham wakaf melalui instrumen sukuk di dalam pasaran modal Islam dan pelaksanaan sistem teknologi (ICT) di dalam pentadbiran wakaf.

Manakala pendekatan yang berbentuk perundangan adalah tertakluk di bawah Mahkamah Syariah sebagaimana telah dijelaskan pada Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu berkaitan dengan kaedah *istibdāl*, iaitu pertukaran bagi tanah wakaf jika terdapat sebab-sebab yang mendorong

kepada hal tersebut. Beliau juga mendapati apabila institusi wakaf yang mengalami permasalahan dana, bantuan institusi kewangan Islam merupakan satu solusi yang wajar seperti instrumen *murabahah*, *muḍārabah* dan *ijarah*. Selain itu, pandangan pakar untuk mengatasi isu tanah wakaf yang tidak aktif melalui konsep *istibdāl* dan penyelarasan peruntukan perundangan wakaf bagi kesemua negeri di Malaysia dapat membantu melancarkan pentadbiran wakaf dengan baik.

Zulkifli Hasan (2020) dalam kajian mereka mendapati bahawa perundangan pentadbiran tanah Malaysia adalah tidak sesuai dan mengekang sistem wakaf. Selain itu, terdapat juga isu kekurangan aset wakaf di dalam kebolehpasaran, sesetengah aset yang terletak jauh di pedalaman yang kurang produktif, penyalahgunaan aset wakaf oleh individu dan orang tertentu, kekurangan ilmu dan kemahiran pengurusan terhadap wakaf dan kurangnya kesedaran wakaf dalam kalangan masyarakat Islam (Zulkifli Hasan, 2020).

Dalam kajian yang sama, beberapa solusi yang bersesuaian telah dicadangkan, antaranya ialah:

- a. Semakan semula perundangan pentadbiran tanah Malaysia bagi sistem wakaf,
- b. Mengeluarkan standard manual untuk pelaksanaan wakaf,
- c. Meningkatkan dana kewangan untuk pemajuan harta wakaf,
- d. Memaksimumkan penggunaan manfaat wakaf untuk aktiviti-aktiviti ekonomi,
- e. Mempromosikan peluang pekerjaan di MAIS,
- f. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan wakaf, dan
- g. Memanfaatkan semaksimum mungkin tanah wakaf tersebut bagi projek mega demi manfaat kepada orang Islam dan bukan Islam

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan sedemikian, perlantikan *mutawalli* oleh MAIN boleh dilaksanakan melalui peruntukan seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri seperti Negeri Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Mereka juga telah mendapati Universiti Islam Malaysia (UIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan antara Universiti yang berada di Selangor yang telah melaksanakan wakaf tersebut sama ada dari segi pengumpulan dana, penajaan dana dan agihan wakaf dalam sudut keilmuan sehingga membantu dalam penajaan dana pendapatan universiti serta memberi sumbangan dalam ilmu pengetahuan dan amal bakti yang berterusan dalam kalangan penerima manfaat wakaf (Hydzulkifli Hashim Omar, et.al, 2016).

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Rohayati Hussin et al. mendapati aspek perundangan yang melibatkan tanah mempengaruhi kepada pembangunan Institusi Pendidikan Tinggi Wakaf di Malaysia. Ini disebabkan ketiadaan undang-undang khusus berkaitan dengan pengurusan tanah wakaf walaupun enakmen wakaf di beberapa buah negeri telah wujud (Rohayati Hussin, 2015). Terdapat tiga Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan berasaskan konsep wakaf iaitu Universiti Islam Malaysia (UIM) di Cyberjaya, Universiti Kolej Bestari atau University College Bestari (UCB) di Terengganu dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) di Perak. Konsep wakaf ini adalah tertakluk kepada semua perundangan yang terdapat dalam Akta 555 berkenaan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Seterusnya, kajian Mahamood et al. (2018) mendapati wakaf dan pendidikan merupakan dua perkara yang saling berkait rapat sejak zaman dahulu lagi berdasarkan sejarah di Timur Tengah dan di benua yang lain (Mahamood et al., 2018). Perolehan dana melalui *endowment* dalam membiayai pusat pendidikan di Barat turut berteraskan konsep wakaf (Monica Gaudiosi, 1988). Kajian mendapati terdapat

12 universiti awam (UA) yang telah melaksanakan kutipan dan pembangunan wakaf melibatkan Universiti Putra Malaysia (UPM), University Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia, Melaka (UTEM). Manakala lapan buah Universiti Awam yang lain masih belum dapat melaksanakannya iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Mereka juga mendapati pelaksanaan wakaf di IPT dan UA adalah sangat penting memandangkan instrumen ini dapat menjadi alternatif yang baik bagi meringankan beban kos pembangunan dan penyediaan infrastruktur bagi manfaat para pelajar dan warga IPT. Sebarang pelaksanaan dan pengurusan wakaf oleh pihak IPT hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal wakaf dan dipantau bersama dengan penubuhan Lembaga Wakaf IPT. Pemantauan tersebut adalah melalui Jawatankuasa bersama yang dianggotai oleh wakil daripada IPT dan wakil daripada MAIN bagi memastikan pelaksanaan wakaf mematuhi segala polisi, undang-undang, peraturan dan fatwa yang diputuskan oleh negeri. Di samping itu, laporan tahunan berkaitan kutipan, agihan, perakaunan, pembangunan dan pengurusan harta wakaf di bawah juga perlu diserahkan kepada MAIN.

Mahamood (2020) dalam kajiannya mendapati kuasa MAIN untuk menubuh atau memperkembangkan penubuhan atau menjalankan apa-apa kegiatan seperti yang tertera dalam seksyen 7(1) iaitu:

“Dalam membangun dana wakaf di negara ini sama ada ia dijalankan melalui kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas telah dinyatakan dalam Seksyen 7(2)(b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).”

Begitu juga Pelan Takaful Wakaf yang diperkenalkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Bhd. dan IIUM Endowment Fund (IEF) yang ditubuhkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mengambil pendekatan yang sama, kajian ini mencadangkan pembentukan Dana Wakaf Kebangsaan (DWK) yang boleh disumbangkan oleh mana-mana rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama dengan penubuhan satu Entiti Wakaf Peringkat Kebangsaan (EWPK) bagi mengendalikan amanah DWK. Pendekatan ini adalah bagi memastikan urusan kutipan dan agihan yang melibatkan kesemua negeri di Malaysia dapat dipusatkan (Mahamood, 2020).

Apabila keperluan negara sudah mencukupi, maka dana terkumpul boleh disumbangkan kepada pembangunan wakaf negara-negara Islam lain di dunia. Ini turut dicadangkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, dalam usaha mewujudkan Dana Musyarakah Universal (UMF) yang akan dikendalikan di bawah bidang kuasa Bank Pembangunan Islam (IDB). Tujuannya adalah bagi membantu negara Islam di dunia dalam menangani isu kemiskinan dan pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun, beliau mendapati Dana Wakaf Kebangsaan perlu diutamakan kerana Malaysia masih dalam keadaan memerlukan dana wakaf ini serta akan melibatkan semua lapisan masyarakat sama ada pewakaf dan benefisiarinya (Hydzulkifli Hashim Omar, et.al., 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Mahamood (2020) mendapati bahawa wakaf juga dapat dikembangkan seperti pembentukan saham wakaf yang boleh dilaksanakan bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak mempunyai harta yang banyak untuk berwakaf. Ini kerana konsep saham wakaf ini adalah berbentuk wakaf *musytarak* yang melibatkan harta gabungan daripada dana-dana yang disumbangkan oleh pewakaf secara kolektif. Beliau juga mendapati bahawa Johor mempunyai peruntukan untuk mewujudkan saham wakaf dalam Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 sebelum diwartakan peruntukan di bawah seksyen 17(1) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.

Salah satu contoh pelaksanaan saham wakaf adalah menerusi pendekatan oleh Johor Corporation di bawah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) mengadakan kerjasama dengan Masjid An-Nur Kotaraya. Kerjasama tersebut adalah untuk mewujudkan Klinik Wakaf An-Nur yang telah mempromosikan produk sadaqah jariyah ini dalam kalangan masyarakat yang melibatkan sumbangan dalam bentuk dana wakaf secara tunai termasuk wakaf mesin hemodialisis. Klinik tersebut merupakan sebuah pusat kesihatan yang berasaskan konsep wakaf. Beliau juga mendapati sejak 1 Disember 1999, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memberikan pengecualian cukai kepada para pewakaf dana untuk Klinik Wakaf An-Nur ini di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Mahamood et al., 2018).

Menerusi pembentukan dana wakaf, harta yang diwakafkan dapat digerakkan bagi kegunaan manfaat masyarakat termasuklah dana dan harta wakaf yang ada dalam bentuk masjid, tanah perkuburan, surau, sekolah dan pondok pendidikan, ladang pertanian, kebun, dusun, hasil sewaan tanah, tanah terbiar, bangunan (kedai, rumah kedai, kediaman), hasil sewaan bangunan, wakaf wang tunai, saham wakaf, wakaf saham, wakaf kaki, skim pelan takaful wakaf dan lain-lain. Oleh itu, wakaf memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan negara sebagaimana bandar-bandar di Turki dan Iran yang telah dibangunkan sepenuhnya menggunakan institusi wakaf di bawah kerajaan Utmaniyyah dan kerajaan Safavid ketika itu (Muhamad Husni et. al., 2015).

## **ISU-ISU BERKAITAN WAKAF KELUARGA DI MALAYSIA DAN DI NEGARA-NEGARA LAIN**

Kajian berkenaan wakaf keluarga dan isu permasalahannya telah dikaji oleh Muhammad Abdurrahman Sadique (2015). Menerusi kajiannya, didapati bahawa pelaksanaan wakaf keluarga adalah bertujuan bagi memastikan ahli keluarga tidak ditinggalkan oleh pewakaf dalam keadaan miskin dan meminta-minta. Bahkan, dalam masa yang sama mampu menghapuskan kemiskinan dalam kalangan masyarakat daripada dasarnya. Wakaf keluarga juga mampu menyumbang kepada kebajikan masyarakat secara tidak langsung dengan memastikan kebajikan keluarga yang merupakan sebahagian daripada masyarakat terjamin di masa hadapan. Beliau turut membincangkan permasalahan yang berkaitan dengan wakaf keluarga antaranya adalah tidak memiliki kawalan penyeliaan berkanun, menghadapi kelemahan dalam pengurusan, komplikasi undang-undang yang timbul akibat jangka hayatnya serta kekurangan pengurusan oleh institusi yang terlibat. Penyediaan kawal selia dari aspek undang-undang dan rangka kerja secara profesional amat diperlukan untuk kemajuan wakaf dan mencegah dari penyalahgunaannya.

Muhammad Abdurrahman Sadique (2015) menceritakan dalam kajiannya berkaitan penubuhan Kementerian untuk Hal Ehwal Wakaf di Turki pada tahun 1830 dan diikuti dengan penguatkuasaan undang-undang mengenai wakaf. Rentetan daripadan ini, kawalan kerajaan terhadap wakaf telah dilaksanakan dengan baik. Dalam tempoh yang singkat, kebanyakan harta wakaf tanah Islam berada di bawah seliaan kerajaan secara langsung. Di samping itu, beliau juga mendapati pengecualian cukai untuk semua jenis wakaf termasuk wakaf keluarga boleh memajukan semangat berwakaf dalam kalangan masyarakat sebagai satu galakan untuk masyarakat berwakaf khususnya wakaf keluarga. Namun, tedapat juga kerajaan di negara-negara Islam yang memilih untuk mengenakan pelbagai tahap sekatan ke atas pelaksanaan wakaf keluarga bahkan ada yang mengambil tindakan menghapuskan sepenuhnya. Ini disebabkan oleh kelemahan dan kegagalan dalam menguruskan wakaf keluarga dalam mencapai objektif perwakafan yang telah ditetapkan selain daripada wakaf keluarga dilihat sebagai halangan sebahagian besar tanah-tanah daripada memasuki pasaran perniagaan.

Isu pelaksanaan wakaf keluarga di Timur Tengah mendapati wujudnya perbezaan dan khilaf di antara para ulama terdahulu dengan ulama kontemporari terutamanya berkenaan dengan keharusan wakaf keluarga. Ulama mengharuskan wakaf ini dengan syarat-syarat tertentu iaitu a) hendaklah dilaksanakan sesuai dengan niat pewakaf, b) tiada tujuan mengharamkan sebahagian waris daripada mendapat bahagian



mereka di dalam pewarisan, c) tidak bertujuan untuk melebihkan beberapa pihak yang lain ke atas pihak yang lain yang berhak (al-Alawin, 2011).

Sebahagian perundangan di negara Timur Tengah menghapuskan wakaf keluarga atas faktor pengurusan yang tidak cekap dan pemegang amanah yang tidak adil. al-Dughaythir (2017) mendapati antara sebab-sebab pemansuhan wakaf ahli di kebanyakan perundangan Timur Tengah adalah a) niat pewakaf bagi memudaratkan ahli waris dengan mengharamkan bahagian faraid mereka, b) tujuan melindungi harta daripada dirampas oleh pihak musuh, c) sifat bermalas-malasan para penerima wakaf daripada bekerja dan berusaha disebabkan selesa dengan hasil daripada harta wakaf tersebut, d) banyak pertelingkahan antara waris yang berhak, e) berlaku pengurangan di dalam kadar bahagian setiap ahli waris dengan bertambahnya bilangan mereka, dan f) kecuiaan penerima wakaf di dalam menjaga harta wakaf tersebut disebabkan hanya menginginkan hasil daripada harta tersebut sehingga menyebabkan kerosakan pada asal harta wakaf tersebut.

Anderson (1951) mendapati bahawa terdapat kesilapan yang serius terhadap undang-undang Islam di mana Majlis Privy tersalah dalam memutuskan kes *Abdul Fata Mohamed Ishak v. Russorrioy Dhur Chowdry* (1894) L.R 22 I.A. 76. Di dalam kes ini, wakaf yang dibuat untuk kebaikan keluarganya dan generasi keturunannya yang belum dilahirkan adalah tidak sah (Anderson, 1951). Keputusan Majlis Privy turut mengesahkan bahawa wakaf yang dibuat untuk membela nasib orang miskin adalah tidak sah sekaligus memberi gambaran bahawa golongan miskin tidak berhak untuk menerima manfaat daripada harta wakaf tersebut. Namun, harta tersebut masih boleh dinikmati selepas kematian semua keluarga penerima wakaf tersebut yang berkemungkinan mengambil masa ratusan tahun atau bermungkinan setelah harta tersebut hilang disebabkan pembaziran mahupun kemalangan (Mahamood, S.M., Rahman, A.B & Seman, A.C., 2018).

Apabila tujuan wakaf keluarga adalah untuk menghindari undang-undang pewarisan (faraid), ia menjadikannya tidak sah sama seperti wakaf yang memihak kepada keturunan lelaki sahaja dan mengecualikan perempuan. Walau bagaimanapun, tujuan yang benar seperti memastikan hartanya selamat dan dinikmati oleh keturunannya, adalah sah dan dibenarkan (Mahamood, S.M., Rahman, A.B & Seman, A.C., 2018).

Hal ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Ali Muhamad Don yang mendapati terdapat beberapa buah IPT di Malaysia yang memperkenalkan skim wakaf sebagai sumber pembiayaan pendidikan pelajar seperti UIAM, UKM dan UPM (Mohd Ali, t.t.). Hal tersebut juga tidak seharusnya berlaku kerana seolah-olah membelakangi MAIN serta bagi mengelak pencerobohan dan penukaran status harta wakaf yang menyalahi konsep wakaf sebenar. Pelaksanaan wakaf oleh IPT tetap tertakluk kepada enakmen wakaf negeri yang berada di bawah pemantauan oleh pihak berkuasa agama negeri (Mahamood, S.M., Rahman, A.B & Seman, A.C., 2018).

Pihak MAIN mempunyai kuasa dalam memberi kebenaran bertulis bagi mengesahkan pelaksanaan wakaf oleh IPT, sekali gus menetapkan aktiviti wakaf dibuat dengan kawalan penuh atau separa mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak. Rahman (2009) yang mendapati wujud peranan wakaf dalam pelbagai aspek termasuklah penyediaan pendidikan, keperluan perumahan, kemudahan kesihatan, menggerakkan kegiatan ekonomi, menyediakan tempat peribadatan, memajukan sektor pertanian, menangani kebajikan anak yatim, menangani kemiskinan.

## **KESIMPULAN**

Terdapat banyak kajian berkenaan isu dan permasalahan wakaf secara umum yang telah dikaji sama ada dari segi perundangan dan pengurusan di Malaysia. Begitu juga dengan kajian penelitian wakaf keluarga menurut perspektif Syariah, pelaksanaan wakaf keluarga di Timur Tengah, dan permasalahan yang timbul berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, didapati bahawa kajian yang menyentuh secara terperinci

berkaitan wakaf keluarga dari segi pelaksanaan dan perundangan di Malaysia sangat terhad. Sedangkan Malaysia memiliki beberapa buah negeri yang telah mempunyai peruntukan undang-undang berkaitan wakaf secara khusus. Oleh kerana itu, kajian ini memfokuskan berkenaan wakaf keluarga menurut perundangan Islam semasa, khususnya di Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Terpilih di Malaysia. Hal ini kerana wakaf keluarga perlu diselaraskan pelaksanaannya di peringkat setiap negeri di Malaysia. Meskipun pelbagai permasalahan yang timbul berkaitan dengan pelaksanaannya seperti di Timur Tengah, wakaf keluarga tetap perlu dilaksanakan sesuai dengan ketetapan Syarak bagi memberi manfaat kepada umat Islam secara khususnya pada masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Jutaan penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat atas kesudian memberi buah fikiran dan pandangan selaras dengan peruntukan undang-undang negara berkaitan Soroton Literatur Terhadap Wakaf Keluarga: Konsep, Perundangan dan Isu-Isu Berbangkit di Malaysia

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam penulisan artikel ini sama ada atas kapasiti peribadi atau faktor kewangan dan selainnya.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Penulis pertama dan penulis kedua mengumpulkan bahan literatur dan merangka draf penulisan artikel. Manakala penulis ketiga pula membentuk kerangka kajian dan merupakan pengarang penghubung bagi artikel ini.

## **RUJUKAN**

Abdul Fata Mahomed Ishak vs Russomoy Dhur Chowdry (1894) L.R 22 I.A. 76.

al-Dughaythir, A.A.S. (2017). al-Waqf ‘Ala al-Dhurryyyah

Ahmad Suwaidi. (2011). Wakaf dan Penerapannya di Negara Muslim. *Jurnal Ekonomi dan Hukum Islam*. 1(2). 14-33.

Layish, A. (1997). The Family Waqf and the Shar‘i Law of Succession in Modern Times. *Islamic Law and Society*.

Layish, A. (1983). The Maliki Family Waqf According to Wills and Waqfiyyat. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies University of London*. 46(1). 1-32.

Rahman, A.A. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1).

Ismail, C.Z, Salim, N.J & Hanafiah, N.J.A. (2015) “Administration and Management of Waqf Land in Malaysia: Issues and Solutions,” *Mediterranean Journal of Social Sciences*, vol. 6, no. 4.

Danial Latifi. (2015). Law of Family Waqfs: Need for A Reconsideration. Paper presented in Seminar on Islamic Law in Modern India, Indian Law Institute, New Delhi, 14-16 January. 228-230.

David, S. Powers. (1993). The Maliki Family Endowment: Legal Norms and Social Practices. *International Journal of Middle East Studies* 25(3).

- Hydzulkifli Hashim Omar dan Mohd Sollehudin Shuib. (2016). Kaedah Pengurusan Harta Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK): Pelaksanaan Pajak Untuk 99 Tahun. *International Journal of Management Studies*. 23 (1), 73–89.
- al-‘Alawin. (2011). al-Waqf al-Dhurry wa Tatbiqatuhu al-Mu‘asirah Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah. ‘Ammān: Qism Fiqh dan Usul Universiti Jordan.
- Suleiman, H. (2016). The Islamic Trust Waqf: A Stagnant or Reviving Legal Institution?. *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law* 4(2).
- Yaacob, Hisham. (2013). Waqf History and Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research* 3(6).
- Anderson, J.N.D. (1951). The Religious Element in Waqf Endowments. *Journal of the Royal Central Asian Society* 38(4).
- Monica Gaudiosi. (1988). The Influence of the Islamic Law of Waqf on the Development of the Trust in England: The Case of Merton College”, *University of Pennsylvania Law Review*. 136 (4): 1231–1261.
- Mohd Ali Muhamad Don, “Kuasa Perundangan serta Hubungannya dengan Pelaksanaan Wakaf oleh Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia,” *International Journal of Business, Economics and Law*, vol. 9, no. 5 (2016), 166-172.
- Muhammad Abdurrahman Sadique, “Family Waqf Deserves A Better Deal”, *Issues in Waqf Laws and Management (with Focus on Malaysia)* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014).
- Muhammad Abdurrahman Sadique. (2015). Socio-Legal Significance of Family Waqf in Islamic Law: Its Degeneration and Revival. *IIUM Law Journal*. 21(2).
- Muhamad Husni Hasbulah & Mohd Zaidi Daud, “Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya”, *Global Journal Al-Thaqafah*, vol. 5, no. 1 (2015), 119-131.
- Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub, “Ke Arah Pembangunan Institusi Pendidikan Tinggi Wakaf: Kajian dari Aspek Perundangan Tanah Negara”, (Kertas kerja, 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference, 2015).
- Shamsuddin Abdul Kadir, (2020), *Urus Harta Agih Pusaka*, Kuala Lumpur: Ultra Mind Resources Publisher, 37.
- Bendiff, M.A & Mezghiche, A. (2020). al-Waqf al-Dhurry Himayah Maliyyah li al-Atfal. University of Biskra.
- Mohamad, N.A. (2018). A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli (Family Waqf) in Promoting Family Security and A Sustainable Family Economy. *IIUM Law Journal* 26(1).
- Mahamood, S.M., Rahman, A.B & Seman, A.C. (2018). Pembentukan Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Wakaf di Malaysia: Cadangan Model Pelaksanaannya. *Jurnal Syariah* 26(1)
- Mahamood., S.M. (2020). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 32(2).
- Tjek, Tanti. (2013). Wakaf Ahli Dalam Konsep Fikih Tradisional. *Jurnal Al-irsyad*, 2. pp. 81-91.
- Yaacob, Hisham. (2013). Waqf History and Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research* 3(6).

Zulkifli Hasan. (2020). The Investment of Waqf Land As An Instrument Of Muslim' Economic Development In Malaysia. In the Dubai International Conference on Endowments' Investment, organized by Awqaf and Minors Affairs Foundation, Dubai, the United Arab.

### **Statut**

Akta Cukai Pendapatan 1967

Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996

Akta Perundangan 1905, Zanzibar

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993

Enakmen Pelarangan Wakaf 1911

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015

Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005

Kaedah-Kaedah Wakaf 1983

Perlembagaan Persekutuan Malaysia